



PERATURAN PERMAINAN DART INDIVIDU
KARNIVAL SUKAN STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KARiSTA UiTM)

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang Persatuan Dart Antarabangsa (WDF) dan Peraturan Am Karnival Sukan Staf (KARiSTA) UiTM.

2.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan dijalankan secara **INDIVIDU**.

3.0 FORMAT PERTANDINGAN

3.1 Pertandingan Individu

3.1.1 Seorang pemain dibenarkan bermain dalam satu acara sahaja.

3.1.2 Acara yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

- 3.1.2.1 Perseorangan Lelaki
- 3.1.2.2 Perseorangan Wanita
- 3.1.2.3 Beregu Lelaki
- 3.1.2.4 Beregu Wanita

• Sebarang gantian tidak dibenarkan selepas perlawanan dimulakan.

4.0 PERALATAN

Hanya Papan Dart yang ditetapkan oleh Ahli Jawatankuasa Teknikal akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

5.0 SISTEM PERTANDINGAN

5.1 Permainan akan dimainkan secara sistem ‘Best of 5’ bagi acara lelaki (dan sistem ‘Best of 3’ bagi acara wanita).

5.2 Setiap pemain yang bertanding diberikan kemenangan berdasarkan kepada kiraan set.

5.3 Setiap pasukan yang bertanding akan diberi mata berdasarkan kepada format berikut :-

- 5.3.1 Menang - 3 mata
- 5.3.2 Kalah - 0 mata

5.4 Sila rujuk Perkara 9.0 Peraturan Am.

6.0 UNDIAN

Undian untuk perlawanan ini akan dibuat semasa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan.

7.0 PAKAIAN

Semua pasukan dikehendaki memakai pakaian yang kemas (Tshirt - Berkollar) dan berkasut. Seluar pendek, jeans dan sandal adalah tidak dibenarkan.

8.0 MELAPORKAN DIRI

Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil Kehormat setelah namanya diumumkan untuk bermain.

9.0 KELEWATAN

Masa selama 5 minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan kiraan 5-0.

10.0 BANTAHAN

Sila rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am.

11.0 JURI RAYUAN

Sila rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am.

12.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan KARiSTA UiTM yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.